

19/04/1997

Mahathir minta akhbar lebih bertanggungjawab

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta media massa tempatan menyiarkan laporan yang benar serta tepat dan tidak membuat laporan sensasi untuk menarik perhatian pembaca.

Perdana Menteri berkata, kadangkala beliau dapati akhbar tidak melaporkan fakta yang tepat dan menggunakan tajuk berita sensasi bagi menarik perhatian orang ramai.

Beliau mengulangi bahawa media massa perlu mengamalkan kebebasan akhbar secara bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada pada media massa.

"Kadang-kadang akhbar tempatan buat laporan yang tidak tepat pasal nak bagi menarik (sensasi). Bukan saja pemberita, sub-editor (penyunting) juga kadang-kadang bubuh heading (tajuk) untuk bagi menarik.

"Orang press (akhbar) perlu ingat, press juga berkuasa ... jika kita salah guna kuasa, sama juga dengan orang lain salah guna kuasa," katanya ketika diminta mengulas ucapannya mengenai media massa ketika merasmikan pejabat biro akhbar kewangan Nihon Keizai Shimbun, di Kuala Lumpur, malam semalam.

Dalam ucapannya di majlis itu, Dr Mahathir mengingatkan media massa supaya mengamalkan kebebasan secara bertanggungjawab bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa atas nama demokrasi.

Mengenai bentuk laporan yang perlu disiarkan oleh media massa tempatan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu menetapkan sebarang peraturan kecuali berharap laporan yang tepat dan benar.

Beliau juga berharap supaya media massa menjaga hati dan perasaan seseorang dengan tidak melaporkan perkara yang tidak benar sehingga menyebabkan seseorang tersinggung.

"Cuma kita lapor benda yang benar. Apa yang orang kata itu kita siar. Kalau kita potong dan bubuh nak bagi mirip kepada sana (berpihak), susahlah sehingga kadang-kadang kita tidak berkelahi dengan orang kita kelahi.

"Kadang-kadang kita kata satu benda, press (seolah-olah) bagi nampak kita hentam seseorang. Macam dulu ada laporan Dr Mahathir hentam akhbar (sedangkan) kita tak pernah hentam. Saya bercakap perkara itu kepada semua orang. Anda hanya perlu siarkan fakta tepat sahaja," katanya.

Mengenai tindakan pihak pembangkang menggunakan media massa untuk mempertikaikan sesetengah pemimpin dan mendesak mereka meletak jawatan, Perdana Menteri berkata, media massa sepatutnya mengambil kira perasaan mereka terbabit.

Menurutnya, media massa perlu peka mengenai perasaan seseorang yang tersinggung ketika melihat laporan akhbar yang mengkritik mereka.

"Mereka juga ada perasaan. Kita suruh dia berhenti, dia berasa tersinggung. Kita kena juga ingat ada perkhidmatan yang diberikannya baik dan perlu dinilai," katanya.

(END)